

Patuhi amaran banjir

KUALA LUMPUR: "Rakyat di kawasan yang berlaku banjir ketika ini mesti mengikut arahan pihak berkuasa yang memantau banjir di seluruh negara untuk berpindah jika dikehendaki."

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut mengingatkan mangsa banjir supaya berpindah ke lokasi selamat yang ditetapkan bagi mengelakkan kejadian tidak diingini selain menjamin keselamatan nyawa.

Kata beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negara berkata, bagi pelajar yang sedang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), pihak berkuasa sudah menyediakan pelan kontingensi bagi menghadapi segala kemungkinan.

"Arahan sudah dikeluarkan kepada sekolah di tempat tertentu yang terjejas dengan beberapa lokasi dikenal pasti untuk diadakan peperiksaan.

"Saya dimaklumkan, hari ini ada yang berlaku, tetapi peperiksaan tetap diteruskan di sekolah terbabit kerana tidak terjejas," katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Inovasi Dunia - Kuala Lumpur 2012 (WIF-KL2012) di sini, semalam.

Beliau mengulas persiapan kerajaan bagi menghadapi musim banjir di seluruh negara selepas hujan tanpa henti kebelakangan ini.

Sehingga kini negeri-negeri yang terjejas termasuk Melaka, Selangor, Johor dan Hilir Perak.

Dalam pada itu, seramai 472,541 calon SPM dan 67,202 calon STPM mula menduduki peperiksaan utama di seluruh negara.